

**SOALAN NO. : 410**

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA  
PERTANYAAN BUKAN LISAN**

**PERTANYAAN** : BUKAN LISAN

**DARIPADA** : TUAN WAN HASAN BIN MOHD RAMLI  
[ DUNGUN ]

**SOALAN** :

**Tuan Wan Hasan bin Mohd Ramli [ Dungun ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan jumlah hasil bijih besi yang dieksport dan jumlah cukai yang dikutip mengikut pecahan negeri dari tahun 2008 hingga 2013.

**JAWAPAN:**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Industri perlombongan bijih besi telah berkembang pesat kerana terdapat permintaan yang tinggi dari negara China. Sejak tahun 2008, eksport bijih besi telah meningkat dengan ketara daripada 824,536 tan metrik bernilai RM71.5 juta pada tahun tersebut kepada 12,429,184 tan metrik bernilai RM1.46 billion pada tahun 2013. Jadual 1 menunjukkan data eksport bijih besi bagi tahun 2008 – 2013.

Jadual 1 - Eksport bijih besi Malaysia bagi tahun 2008 - 2013

Tahun	Kuantiti (tan)	Nilai (RM '000)
2008	824,536	71,517
2009	834,521	75,766
2010	2,814,243	292,077
2011	5,696,546	714,164
2012	8,930,799	1,082,836
2013	12,429,184	1,464,507
<b>Jumlah</b>	<b>31,529,829</b>	<b>3,700,867</b>

Negeri-negeri yang mengeluarkan bijih besi adalah Pahang, Perak, Kelantan, Kedah, Terengganu, Johor dan Negeri Sembilan. Peningkatan pengeluaran bijih besi telah meningkatkan kutipan royalti yang diperoleh dari mineral ini. Negeri Pahang merupakan pengeluar terbesar bijih besi dengan kutipan royalti sebanyak RM36.04 juta pada tahun 2013, diikuti oleh Terengganu (RM2.96 juta), Kelantan (RM2.2 juta), Kedah (RM2.15 juta) dan Negeri Sembilan (RM138,000). Kerajaan Negeri Johor masih belum mengenakan royalti ke atas pengeluaran mineral di negeri tersebut. Jadual 2 menunjukkan royalti yang dikutip oleh Kerajaan Negeri yang mengeluarkan bijih besi.

Jadual 2. Royalti bijih besi yang dikutip mengikut Negeri, 2008 – 2013

	2008 (RM)	2009 (RM)	2010 (RM)	2011 (RM)	2012 (RM)	2013 (RM)
Pahang	Tiada	4,620,581	9,245,314	16,802,990	22,641,301	36,041,435
Perak	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada	1,939,558	Tiada
Kelantan	Tiada	19,495	77,641	1,056,943	1,948,354	2,201,680
Kedah	Tiada	Tiada	32,237	48,685	2,027,081	2,151,166
Terengganu	2,448	36,624	121,224	1,168,575	1,074,597	2,962,261
N. Sembilan	Tiada	Tiada	Tiada	304,200	1,151,084	138,000